



*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : JK/MP 38 Jld.5

*Tarikh* : Februari 2012

24

Semua Hakim  
Mahkamah Sesyen  
Semenanjung Malaysia

Semua Majistret  
Mahkamah Majistret  
Semenanjung Malaysia

Semua Pendaftar  
Mahkamah Rendah

Tuan / Puan,


**PENJELASAN KEPADA KOD 88 DI DALAM ARAHAN AMALAN NO.5 TAHUN 1988  
MENGENAI SIASATAN KEMATIAN (*DEATH INQUIRY*)**

Sepertimana tuan/puan sedia maklum, prosedur siasatan kematian diperuntukkan di bawah Seksyen 328 hingga Seksyen 341A Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Daripada pemerhatian saya di kebanyakan Mahkamah, didapati pendaftaran kes-kes siasatan kematian adalah mengelirukan. Ini kerana amalan di kebanyakan Mahkamah adalah dengan mendaftarkan fail-fail laporan mati mengejut yang diterima daripada pihak polis dengan kod 88.

2. Pendaftaran di bawah kod 88 hanyalah merujuk kepada fail laporan mati mengejut yang jatuh di bawah Seksyen 333(2) dan Seksyen 339(1) Kanun Tatacara Jenayah sahaja. Keadaan di bawah Seksyen 333(2) Kanun Tatacara Jenayah adalah apabila Majistret dapati suatu siasatan kematian hendaklah diadakan setelah meneliti suatu fail laporan mati mengejut manakala keadaan di bawah Seksyen 339(1) pula adalah apabila Pendakwa Raya

mengarahkan Majistret untuk mengadakan siasatan kematian ke atas suatu laporan fail mati mengejut.

3. Oleh yang demikian, Mahkamah hendaklah mendaftarkan fail-fail laporan mati mengejut yang diterima daripada pihak polis di permulaan proses tersebut untuk tujuan melicinkan pentadbiran di Mahkamah masing-masing seperti mana di bawah:



Jika kes ini kemudiannya di dapati oleh Majistret bahawa suatu siasatan kematian hendaklah dilakukan menurut Seksyen 333(2), maka kes tersebut hendaklah pula didaftarkan dengan kod 88 seperti berikut:

88-01-2012

Kes ini dianggap sebagai kes pertama di bawah kod 88 dan maklumat inilah yang perlu dimasukkan ke dalam format statistik di bawah kod 88 sebagai pendaftaran pertama. Majistret juga hendaklah menetapkan tarikh sebutan apabila suatu siasatan kematian diputuskan oleh Majistret untuk dilakukan menurut Seksyen 333(2).

4. Tujuan arahan di atas adalah mengelakkan kekeliruan dan menyeragamkan penghantaran maklumat kepada Unit Statistik Putrajaya mengenai pendaftaran dan pelupusan kes-kes di bawah kod 88 dalam erti kata yang sebenar.


5. Majistret atau Pendaftar Mahkamah Rendah hendaklah bertanggungjawab dalam merekodkan fail laporan mati mengejut yang diterima di dalam buku daftar seperti amalan

biasa mengikut contoh kod yang dinyatakan seperti di atas bagi tujuan penyimpanan rekod dan pemantauan.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

s.k.:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
**Putrajaya**

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
**Putrajaya**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
**Putrajaya**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
**Putrajaya**

Ketua Bahagian Pentadbiran Kehakiman  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**Putrajaya**